

U B368 AAB
MAHATHIR - BERITA

KUALA LUMPUR, 5 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN SUPAYA PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA) MENGADAKAN HUBUNGAN DENGAN AGENSI BERITA PALESTIN, Wafa, UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MALAYSIA MENDAPATKAN GAMBARAN SEBENAR MENGENAI PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN.

CADANGAN ITU DIKEMUKAKAN OLEH PERDANA MENTERI DALAM PERBINCANGANNYA DENGAN PRESIDEN NEGARA PALESTIN, ENCIK YASSER ARAFAT YANG BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM DI PEJABATNYA DI SINI HARI INI.

+PERDANA MENTERI MEMBANGKITKAN PERKARA ITU SUPAYA RAKYAT MALAYSIA DAPAT MENERIMA BERITA-BERITA MENGENAI PALESTIN YANG TIDAK TERLALU CONDONG KEPADA AMERIKA SYARIKAT DAN BARAT,+ KATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, DATUK AHMAD KAMIL JAAFAR PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERBINCANGAN ITU.

DATUK AHMAD KAMIL BERKATA, KEMUNGKINAN DIWUJUDKAN SUATU BENTUK HUBUNGAN ANTARA BERNAMA DAN Wafa AKAN DIBINCANGKAN LEBIH LANJUT OLEH WISMA PUTRA DENGAN BERNAMA DAN PERWAKILAN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) DI SINI.

KATANYA, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT HUBUNGAN ANTARA BERNAMA DAN Wafa AKAN MEMBOLEHKAN MALAYSIA MEMBANTU PALESTIN BAGI MEMASTIKAN MAKLUMAT YANG BENAR MENGENAI PERJUANGAN MEREKA DISEBARKAN KEPADA RAKYAT NEGARA INI. -- LAGI.

1946MST 05 03 90

U B369 AAB
MAHATHIR - BERITA 2 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK AHMAD KAMIL, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA TURUT MEMBINCANGKAN MENGENAI KEMUNGKINAN DIADAKAN HUBUNGAN BAGI LIPUTAN BERITA TELEVISYEN. BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENGULAS LANJUT MENGENAINYA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA HUBUNGAN ANTARA BERNAMA DAN Wafa ITU AKAN MELIBATKAN SUATU PERJANJIAN PERTUKARAN BERITA, BELIAU BERKATA, PERKARA ITU AKAN DIBINCANGKAN DENGAN LEBIH MENDALAM KEMUDIAN.

+SUATU BENTUK HUBUNGAN BERITA MUNGKIN DIWUJUDKAN,+ TAMBAHNYA.

SEMASA MENJAWAB SATU SOALAN LAIN, BELIAU BERKATA, ENCIK ARAFAT SUDAH TENTU BERSETUJU MENGENAI HUBUNGAN BERITA ITU KERANA IA AKAN MEMBERIKAN KESAN YANG LEBIH BAIK KEPADA PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN. -- BERNAMA.

1950MST 05 03 90